



## Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan

Siti Norsakira Mohamed, Rosniza Aznie Che Rose

Program Geografi, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Siti Norsakira Mohamed (email: norsakiramohd@yahoo.com)

### Abstrak

Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan merupakan suatu kajian yang digarap berdasarkan bukti petempatan manusia yang telah bermula sejak 2500-2400 tahun yang lampau di lokasi kajian. Kajian memberi tumpuan utama terhadap tinggalan bangunan dan kawasan bersejarah yang berpotensi untuk diangkat sebagai aset pelaburan dan peningkatan sosioekonomi masyarakat tempatan berdasarkan kepada agenda pembangunan pelancongan. Objektif utama kajian adalah mengenalpasti lokasi yang berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan warisan dan mengemukakan cadangan bagi memelihara warisan sejarah lokal. Analisis kuantitatif digunakan terhadap 100 orang penduduk tempatan menggunakan instrumen borang soal selidik. Hasil kajian mendapati gaya senibina bangunan warisan yang masih dikekalkan ialah seperti senibina nusantara, tradisional Melayu, selatan China, pengaruh Moghul, neo-klasikal, tudor, *art-deco* dan *palladian (Sino-Malay)*. Kajian turut membuktikan bahawa penduduk tempatan di Kuala Lipis menerima dan bersedia untuk turut serta dalam aktiviti pelancongan warisan. Walau bagaimanapun, kekurangan kemudahan awam, kemudahan pengangkutan dan kelemahan dalam sistem kemudahsampaian telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan. Peningkatan aksesibiliti kemudahan awam yang sedia ada di bandar Kuala Lipis serta menjalankan promosi dilihat berupaya menarik lebih ramai kunjungan pelancong. Oleh itu, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan agar dapat mempertingkatkan mutu bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan sekaligus menonjolkannya sebagai antara destinasi pelancongan warisan yang utama di Malaysia.

**Kata kunci:** bandar Kuala Lipis, komuniti tempatan, pelancongan warisan, persepsi, potensi, warisan

## The potential of Kuala Lipis as heritage tourism destination

### Abstract

The potential of Kuala Lipis as a heritage tourism destination is based on the fact that humans have settled here since 2500-2400 years ago. This study focused on the remains of historical

buildings and areas that have the potential to be designated as investment assets and to uplift the local socio-economy based on the tourism development agenda. The main objective of this study is to identify the potential locations for heritage tourism products and to propose recommendations for preserving the local heritage. Questionnaires were conducted on 100 local respondents and the finding is subjected to quantitative analysis. The results showed that the type of architectural heritage buildings is still preserved such as traditional Malay, South China, Moghul, neo-classical, Tudor, art-deco and Palladian (Sino-Malay). The study also proved that the locals in Kuala Lipis welcome and are willing to participate in heritage tourism activities. However, the lack of public facilities, transportation facilities and weaknesses in the accessibility system has caused dissatisfaction among locals. The enhancement of accessibility of existing public facilities in the city of Kuala Lipis as well as an increased promotion are seen as essential steps to attract more tourists. Therefore, appropriate attention should be given to improving the quality of Kuala Lipis city as a tourist destination as well as to introduce Kuala Lipis as one of the main heritage tourism destinations in Malaysia.

**Keywords:** Kuala Lipis city, community local, heritage tourism, perception, potential, heritage

## Pengenalan

Pelancongan warisan merupakan suatu aktiviti ekonomi yang melibatkan penggunaan aset yang diwarisi dan sosiobudaya untuk menarik kedatangan pelancong ke sesebuah kawasan (Fyall & Garrod, 1998). Pelancongan warisan itu merangkumi sebahagian daripada pelancongan budaya yang menurut Linda (1999), adalah digunakan oleh hampir semua pelawat masa lalu bagi tujuan kunjungan. Pelancongan dalam kes ini menjadi perniagaan pembuatan sejarah atau sekurang-kurangnya aktiviti yang mengkomersilkan peristiwa masa lalu (Shaw & William, 2002).

Pelancongan warisan menjadi destinasi pelancongan yang utama bagi peminat sejarah dan warisan budaya yang terdahulu. Malaysia telah mengambil peluang dalam meningkatkan kawasan destinasi pelancongan dari segi alam semulajadi dan warisan. Keunikan produk yang ditawarkan telah mendapat pengiktirafan daripada pihak UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia yang bertujuan menyediakan satu peluang yang unik bagi memelihara sifat-sifat luar biasa di seluruh dunia serta untuk melindungi tapak-tapak warisan bagi mencerminkan kepelbagaian budaya dan alam semulajadi yang telah wujud dan terus kekal (Jabatan Warisan Malaysia, 2009). Kegiatan industri pelancongan berteraskan warisan semakin diminati masyarakat umum di seluruh dunia termasuk warga Malaysia. Menurut Mohamad Zaki et al. (2008), kebanyakan pusat tarikan pelancong iaitu bandar warisan telah diisytiharkan sebagai tapak warisan dunia. Bangunan warisan adalah salah satu tarikan pelancongan yang memberi sumbangan kepada pendapatan negara. Hal ini disokong oleh Er (2013) yang menyatakan pelancongan berteraskan warisan telah 'ditugaskan' untuk menggerakkan sektor pelancongan agar lebih pesat membangun dalam sumbangannya kepada pendapatan negara (Rosniza Aznie & Nur Athirah, 2017).

Malaysia mempunyai banyak peninggalan bangunan bersejarah, namun masyarakat tidak menyedari dan tidak mengambil tahu langsung tentang kewujudan bangunan-bangunan ini. Senario ini berlaku kerana kurangnya pendedahan oleh pihak bertanggungjawab tentang betapa pentingnya tinggalan warisan sejarah terutamanya bagi generasi masa akan datang (Mohamad Tajuddin & Mohamad Rasdi et al., 2004). Oleh itu, Malaysia amat menggalakkan pemeliharaan dan pemuliharaan tinggalan sejarah bagi meningkatkan kedatangan pelancong antarabangsa ke

dalam negara. Kajian ini dilakukan bagi menunjukkan bahawa pembangunan Kuala Lipis tidaklah maju berbanding daerah yang lain di negeri Pahang. Hal ini kerana daerah Kuala Lipis sudah agak jauh ke pedalaman dari ibu negeri Pahang iaitu Kuantan. Walau bagaimanapun, bangunan dan kawasan tinggalan sejarah di bandar Kuala Lipis masih mempunyai potensi pelaburan untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan warisan. Hal ini kerana terdapat lebih daripada sepuluh buah bangunan dan kawasan yang telah ditinggalkan oleh sejarah masa lampau yang perlu dijaga dan dijadikan khazanah warisan sebagai bekalan kenangan silam untuk generasi akan datang.

Senario semasa bagi lokasi-lokasi tinggalan warisan sejarah di bandar Kuala Lipis menunjukkan komuniti tempatan di kawasan sekitar dan berhampiran kawasan tersebut didapati mengetahui kewujudan bangunan-bangunan warisan sejarah yang ada dan menjaganya dengan baik. Walaupun begitu, permasalahannya berlaku apabila hanya segelintir sahaja komuniti tempatan yang mempunyai kecenderungan untuk turut serta terlibat dalam aktiviti pelancongan warisan terutamanya penglibatan sebagai pengusaha homestay, pembuatan kraftangan, pemandu pelancong dan lain-lain lagi. Melalui penyertaan dalam sektor pelancongan warisan tersebut, komuniti tempatan dapat memelihara warisan sejarah yang ada serta meningkatkan taraf hidup mereka. Namun, kurangnya pendedahan terhadap aktiviti pelancongan warisan menyebabkan penglibatan dan persepsi komuniti tempatan kepada industri pelancongan warisan tidak memberangsangkan. Pelbagai mitigasi atau cadangan perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan mahupun komuniti tempatan dalam mewujudkan usaha-usaha pemeliharaan warisan sejarah di Kuala Lipis agar dapat dijadikan sebagai destinasi pelancongan warisan yang terkenal setaraf dengan pelancongan warisan terkemuka yang lain.

## **Kajian literatur**

Pelancongan merupakan salah satu kegiatan ekonomi dan sosial yang semakin penting dalam konteks dunia hari ini. Beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara (Inskeep, 1996). Pelancongan juga merupakan sektor yang melibatkan peranan yang saling kaitan antara pihak kerajaan, bukan kerajaan dan juga orang awam (Salah & Cooper, 2003).

Konflik antara pemeliharaan watak bandar bersejarah sedia ada dan "perubahan" telah membentuk hujah utama dalam kajian pemuliharaan. Pemahaman tentang penggunaan perkataan warisan telah mula menggantikan konsep pemuliharaan secara perlahan-lahan, iaitu pemasaran warisan sebagai produk mengikut tuntutan pengguna, terutamanya pelancong, telah mengakibatkan pengkomersialan warisan ke atas nilai pemuliharaan. Hari ini, simbiosis kedua-dua tempat pelancongan dan warisan telah menjadi objektif utama dalam pengurusan dan perancangan kawasan bersejarah. Justeru terdapat banyak kajian di peringkat antarabangsa yang telah mengkaji konflik semasa di antara idea-idea pemuliharaan, warisan, dan pelancongan dan berhujah untuk pendekatan yang mampan terhadap pengurusan dan perancangan tempat-tempat warisan berdasarkan agenda masyarakat dan budaya (Nasser, 2003).

MacCanel (1976) telah menggariskan beberapa kriteria yang perlu bagi menjadikan sesuatu kawasan sebagai tarikan pelancongan berasaskan kepada warisan sejarah. Berdasarkan kriteria tersebut, ia boleh diadaptasikan dengan keadaan di bandar Kuala Lipis iaitu: (i) Membuat penyenaian dengan membentuk kriteria dari segi terkenal, personaliti dan insiden dan (ii) Membina semula iaitu menghasilkan kembali produk berdasarkan kepada kegiatan tempatan

seperti bangunan, pendapat atau persepsi beberapa perancangan bandar terkenal atau ahli sejarah dalam konteks bangunan sejarah. Ia dapat menggalakkan penduduk menghasilkan bangunan atau memulihara bangunan warisan sedia ada sebagaimana pembangunan dan penjenamaan semula di kawasan Bukit Fraser (Azima et al., 2010). Penduduk kemudian menjualnya dalam bentuk pengalaman kepada pelancong.

### *Faktor tinggalan warisan sejarah dan warisan semulajadi*

Menurut Ashworth dan Tunbridge (1990), negara sedang membangun adalah satu destinasi yang harus dikunjungi oleh pelancong bagi tarikan tinggalan sejarah kepada pelancongan bersejarah. Negara-negara Eropah, walaupun mempunyai kebudayaan warisan yang unik namun adalah tidak setanding dengan kebudayaan warisan dan tinggalan sejarah negara sedang membangun yang pelbagai. Kebanyakan negara sedang membangun kaya dengan tinggalan budaya warisannya memandangkan negara-negara ini pernah dijajah oleh negara barat pada masa dahulu. Misalnya, Wales adalah salah satu tempat yang maju dengan pelancongan etnikinya. Penjajahan Inggeris telah meninggalkan banyak tinggalan sejarah, seperti istana Caernarfon yang dapat menarik pelancong ke tempat tersebut. Herbet (1989) berpendapat pelancong lebih gemar mendapat pengalamannya sendiri di tempat tinggalan sejarah, daripada hanya mengetahuinya melalui pembacaan sejarah masa lampau.

Dalam menjadikan sesebuah kawasan sebagai tarikan pelancongan, ciri-ciri yang menjadi ingatan pelancong terhadap sesebuah kawasan yang dikunjungi adalah penting. Menurut Udjianto (2012), bangunan-bangunan ikonik pada dasarnya dikenali orang sebagai karya seni bina yang menjadi 'penanda tempat' dan 'penanda zaman' dalam era kebudayaan manusia. Seni bina ikonik dapat pula berfungsi sebagai penanda tempat di kawasan lingkungannya, serta mampu berdiri tegak dan mempunyai jangkahayat yang panjang, struktur bangunannya spesifik dan mempunyai nilai estetika yang menawan. Kesan mewah, megah dan mahal sudah merupakan istilah yang tidak dapat dielakkan bagi 'bangunan ikonik' atau 'seni bina ikonik' pada masa sekarang ini (Habibah & Hamzah et al., 2014).

Elemen budaya, seni dan warisan amat berkait rapat dalam memajukan sektor pelancongan negara. Aktiviti pelancongan budaya ini antaranya ialah meliputi lawatan ke bangunan-bangunan bersejarah. Tarikan budaya yang bersifat autentik (asli) ini mampu mendidik dan meningkatkan pengetahuan di samping memberi hiburan dan pengalaman kepada pengunjung. Strategi yang telah diguna pakai di United Kingdom dan Amerika Syarikat telah dikenal pasti melalui pengalaman serta kejayaan institusi budaya dan warisan luar negara menarik lebih banyak pengunjung ke destinasi mereka (Chik et al., 2004). Selain itu, Carol et al. (2014) juga menunjukkan bahawa pelancong antarabangsa yang melawat Malaysia sangat tertarik kepada keunikan budaya dan sejarahnya. Nilai tapak warisan dianggap penting kepada pelancong kerana dapat mempelajari budaya setempat, kualiti infrastruktur monumen dan kualiti perkhidmatan pelancongan. Oleh itu, warisan sejarah di sesebuah kawasan haruslah dipelihara dan dipulihara dari segi rekabentuk, kesenian, senibina dan nilai budayanya untuk diingati, difahami dan dipelajari oleh generasi masa sekarang dan generasi akan datang.

### *Persepsi dan tahap penerimaan komuniti tempatan*

Pembangunan pelancongan warisan juga dapat dikembangkan dan dimajukan dengan melalui penglibatan dan persepsi daripada komuniti tempatan, orang awam, pelancong, kerajaan dan juga

pembuat dasar atau pihak berkepentingan. Hal ini secara tidak langsung dapat mengetahui maklum balas mengenai pembangunan pelancongan warisan samada positif atau negatif. Melalui kajian Sajad dan Mahdi (2011), menyatakan sikap komuniti tempatan adalah amat penting untuk kejayaan dan kemampuan pembangunan pelancongan. Hal ini kerana, memahami sikap dan persepsi masyarakat serta bagaimana persepsi ini terbentuk akan menjadi pengetahuan yang bernilai bagi pembuat keputusan samada positif atau negatif kepada perancangan dan pembangunan pelancongan warisan.

Selain itu, mereka juga menjelaskan bahawa interaksi yang berlaku antara masyarakat dan pelancong boleh memberi impak positif dalam membuka peluang, mewujudkan keamanan dalam masyarakat dan mengintegrasikan pelbagai budaya yang berlainan. Halima Begum et al. (2014), pula menjelaskan perbezaan yang terdapat dalam persepsi pelancong terhadap pembangunan pelancongan mapan di Melaka yang wujud antara tiga kumpulan pihak berkepentingan iaitu kerajaan, penduduk tempatan dan usahawan swasta. Pengkaji menyatakan amat penting bagi pembuat dasar untuk mengetahui maklum balas daripada pelancong dari aspek sokongan dan penglibatan bagi melaksanakan peranan yang baru dalam pembangunan pelancongan warisan.

Menurut Mohd Samsudin dan Sulong (2013), pelancong yang berminat dengan sejarah berminat untuk mencari pengalaman yang asli atau '*authentic*' (MacCannel, 1976). Oleh itu, terdapat keperluan bagi setiap badan berkuasa untuk menyediakan bahan-bahan bersejarah yang mampu menarik kedatangan pelancong. Jika ia berkaitan dengan kunjungan terhadap sejarah maka mereka akan mencari keaslian bahan-bahan warisan yang boleh diingati melalui pengalaman mereka. Justeru, di negara-negara Barat seperti di Britain, Perancis dan Itali, pihak pengurusan pelancongan dan kerajaan tempatan akan berusaha mengekalkan warisan sejarah ini agar ia dapat dirasai oleh pengunjung. Menurut Wahab dan Cooper (2003), pembangunan sektor pelancongan tidak hanya melibatkan pihak kerajaan, tetapi juga memerlukan penglibatan langsung pihak swasta dan badan bukan kerajaan serta orang awam terutamanya dalam memajukan tempat menarik dan aktiviti yang boleh menggamit kedatangan pelancong selain mempromosikan aktiviti pelancongan negara berkenaan (Ang, 2015).

## **Metod dan kawasan kajian**

Data kajian diperolehi melalui pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer kajian ini adalah secara soal selidik, pemerhatian dan juga temubual terhadap responden tersebut. Manakala, data sekunder dalam kajian ini adalah melalui data yang diperolehi daripada jabatan kerajaan iaitu Pejabat Daerah Kuala Lipis, Pejabat Tanah Daerah Lipis, Perpustakaan Awam Kuala Lipis dan lain-lain lagi. Borang soal selidik diedarkan kepada 100 orang responden yang telah dipilih secara rawak berstrata. Bilangan responden ini berdasarkan formula penentuan saiz sampel oleh Yamane (1967). Responden kajian ini adalah terdiri daripada komuniti tempatan atau penduduk bandar itu sendiri yang berumur di antara 20 hingga 61 tahun ke atas yang tinggal di sekitar bandar atau berhampiran bandar Kuala Lipis. Kumpulan umur muda lingkungan 20 hingga 49 tahun merupakan gambaran terhadap potensi pembangunan yang lebih ke arah ekonomi, peningkatan keperluan fasiliti dan lain-lain lagi. Manakala, kumpulan umur tua lingkungan 50 hingga 61 tahun ke atas merupakan gambaran terhadap potensi dalam aspek sejarah, budaya, adat resam dan lain-lain lagi.

Bandar Kuala Lipis dijadikan sebagai fokus kajian kerana bandar ini memaparkan pelbagai warisan bersejarah dan diperlihatkan melalui keunikan bangunan itu sendiri. Bandar ini terletak

dalam Daerah Kuala Lipis, Pahang. Daerah ini terletak di bahagian Pahang barat dan bersempadan dengan beberapa daerah iaitu Cameron Highlands, Raub, Jerantut dan jajahan Gua Musang (Rajah 1).



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

**Rajah 1.** Peta sempadan bagi setiap daerah pentadbiran dan mukim di Negeri Pahang

Lokasi Kuala Lipis terletak di barat laut negeri Pahang. Daerah Kuala Lipis disempadani oleh Kelantan di utara, Jerantut di timur, Raub di selatan dan Cameron Highlands serta Perak di barat. Ia adalah kira-kira 171 kilometer dari Kuala Lumpur dan kira-kira 235 km dari Kuantan. Keluasan daerah Kuala Lipis adalah seluas 5,198 km persegi (527,861 hektar) iaitu daerah ketiga terbesar antara 11 daerah di negeri Pahang, selepas Jerantut dan Rompin. Keluasannya telah mempengaruhi sebanyak 14.45 peratus keluasan negeri Pahang. Keluasan ini telah hampir sama dengan keluasan Negeri Sembilan dan menghampiri tiga kali keluasan negeri Perlis. Daerah Lipis dikelilingi oleh bukit-bukau kerana terletak di kawasan agak pedalaman dan merupakan antara daerah terpencil di Semenanjung Malaysia (Nur Hijrah Zakaria 1995). Geografi koordinat bagi daerah Kuala Lipis adalah 4°11'0" Utara, 102°3'0' Timur. Kuala Lipis adalah pusat pentadbiran Negeri Pahang sejak 57 tahun dari tahun 1898 hingga 27 Ogos 1955, apabila Kuantan telah dipilih sebagai ibu negeri yang baru.

Kuala Lipis mempunyai keluasan yang tidak besar iaitu sebanyak 9,773 hektar sahaja. Keluasan ini digunakan untuk tujuan pembangunan moden bandar dengan membina pelbagai kemudahan infrastruktur seperti pasaraya, perkhidmatan perbankan, hospital, balai polis, pejabat pos, perumahan dan lain-lain lagi. Oleh itu, Kuala Lipis menjadi pusat pentadbiran bagi setiap mukim di daerah Lipis dan ia juga menjadi pusat tumpuan penduduk tempatan untuk melakukan pelbagai aktiviti harian seperti membeli-belah, perniagaan, rekreasi dan sebagainya. Jumlah keseluruhan penduduk yang tinggal di Kuala Lipis adalah kira-kira 15,000 orang dan mempunyai pelbagai etnik utama iaitu etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi. Selain itu, aktiviti utama

bagi penduduk Kuala Lipis adalah aktiviti pertanian dan perladangan. Lebih kurang 80 peratus penduduk tempatan bergantung kepada aktiviti tersebut (Rancangan Tempatan Majlis Daerah Lipis, 2010).

### **Potensi pelancongan warisan di Kuala Lipis**


Bangunan-bangunan warisan sejarah adalah ‘*anchor*’ kepada pelancongan di bandar Kuala Lipis di samping pemeliharaan terhadap elemen jejak warisan. Terdapat beberapa lokasi yang berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan warisan di Kuala Lipis. Oleh itu, terdapat pelan cadangan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak Majlis Daerah Lipis iaitu Cadangan Jejak Warisan. Cadangan ini menghasilkan kombinasi produk tarikan sedia ada dengan cadangan-cadangan untuk pengukuhan imej dan peningkatan rupa bentuk bandar Kuala Lipis (Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Lipis, 2007). Cadangan Jejak Warisan merupakan satu zon lingkaran yang terdiri daripada bangunan-bangunan warisan sejarah dan diatur perjalanannya sebagai panduan untuk memudahkan pelancong.

Melalui pelan cadangan Jejak Warisan ini dapat dilihat kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dijadikan destinasi pelancongan warisan di bandar Kuala Lipis. Terdapat 14 bangunan warisan sejarah yang mempunyai keunikan tersendiri yang masih wujud dan kekal sehingga meliputi sebahagian besar bandar Kuala Lipis. Bangunan-bangunan peninggalan sejarah yang masih kukuh dan berkarektor mempamerkan nilai warisan yang tinggi kepada keseluruhan pembangunan bandar Kuala Lipis. Faktor sejarah dan senibina bangunan telah membentuk ciri-ciri warisan sejarah yang secara tidak langsung menjelaskan dan mengukuhkan lagi keunikan bandar Kuala Lipis tersebut.

Aspek faktor sejarah, bangunan-bangunan warisan ini adalah merupakan dari penempatan asal kaum Melayu Melaka, Arab, Neolitik, Melayu-Jati, Minangkabau, Aceh, Cina dan Punjabi yang menetap di kawasan tersebut seperti Masjid Jamek Kuala Lipis, Tokong Thean Hou dan Kuil Gudwara Sahib. Penjajahan British pada tahun 1888 di Kuala Lipis telah mewujudkan bangunan kolonial British yang dijadikan sebagai pusat petadbiran mereka semasa zaman pemerintahan British. Kuala Lipis juga adalah pusat pentadbiran negeri Pahang yang pertama dan kewujudan Kesultanan Melayu Pahang serta Orang Kaya Besar Pahang seawal tahun 1863

#### *Jejak warisan 1 dan jejak warisan 2*

Jejak Warisan 1 merupakan kawasan yang berpotensi dijadikan destinasi pelancongan warisan utama. Lokasi ini meliputi bangunan-bangunan warisan yang terdapat di Bandar Lama Kuala Lipis. Antara bangunan yang terdiri dalam Jejak Warisan 1 ialah Stesen Keretapi Kuala Lipis, Kuil Gurdwara Sahib, Masjid Jamek Kuala Lipis, Pejabat Pos dan Tokong Thean Hou (Rajah 2). Jejak warisan ini bukan sahaja membawa pengunjung untuk menghayati bangunan-bangunan lama tetapi turut mewujudkan suasana Bandar Kolonial melalui adunan elemen landskap dengan rekabentuk bandar yang dicadangkan. Pengunjung juga dapat melihat pelbagai keunikan senibina dan reka bentuk dari luar negara seperti senibina Art Deco daripada Eropah, senibina Indo-Palladian daripada Lebuh Aceh, pengaruh Selatan China dan lain-lain lagi yang terdapat pada bangunan warisan di Jejak Warisan 1.




Sumber: Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Lipis, 2007

**Rajah 2.** Peta lakaran lokasi Jejak Warisan 1

Kawasan Jejak Warisan 2 pula meliputi bangunan-bangunan di sekitar Bukit Bius, Bukit Residen dan kawasan Pusat Bandar Kuala Lipis. Kebanyakannya terdiri daripada bangunan sesebuah. Antara bangunan warisan yang terdapat di dalam kawasan Jejak Warisan 2 ialah Asrama Jururawat, Rumah Pegawai Daerah, Pahang Club, Sekolah Menengah Clifford, Kompleks Pejabat Kerajaan, Istana Hinggap, Rumah Bekas Setiausaha Kerajaan dan *Malay School Hostel* (Rajah 3). Kebanyakan bangunan-bangunan warisan di kawasan ini dibina pada zaman pemerintahan British dan Jepun seawal tahun 1889. Bangunan-bangunan ini banyak menyimpan sejarah kekejaman pemerintahan Jepun dan pentadbiran orang British. Selain itu, bangunan-bangunan warisan di Jejak Warisan 2 mempunyai pelbagai reka bentuk dan senibina yang unik dan menarik daripada luar negara yang boleh dipertontonkan kepada pengunjung seperti senibina neo-klasik, Tudor, pengaruh Minangkabau, senibina Palladian daripada pengaruh Barat, senibina Malay-Palladian dan lain-lain lagi.





Sumber: Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Lipis, 2007.

Rajah 3: Peta lakaran lokasi Jejak Warisan 2

## Hasil kajian

### *Faktor tarikan kedatangan pelancong ke Kuala Lipis*

Kedatangan pelancong ke sesebuah kawasan adalah disebabkan terdapatnya pelbagai faktor-faktor tarikan yang menarik. Terdapat beberapa faktor tarikan yang menarik kedatangan pelancong ke Kuala Lipis. Antaranya ialah faktor alam semulajadi, unsur kebudayaan, makanan tradisional, aset tinggalan sejarah, sikap komuniti tempatan dan lain-lain lagi.


Faktor tarikan utama di Kuala Lipis adalah terdiri daripada tarikan bangunan dan unsur-unsur sejarah yang terdapat di kawasan tersebut. Berdasarkan Rajah 4, hampir keseluruhan responden mengatakan faktor tarikan kedatangan pelancong ke Kuala Lipis adalah disebabkan oleh ciri-ciri tarikan bangunan dan unsur-unsur sejarah iaitu seramai 95.0 peratus. Hal ini adalah kerana Kuala Lipis mempunyai beberapa tinggalan bangunan yang bersejarah pada zaman dahulu. Antara bangunan bersejarah adalah Masjid Negeri atau Madrasahul Firdaus, Stesen Keretapi Kuala Lipis, Pahang Club, Kompleks Pejabat Kerajaan Lipis, SMK Clifford dan banyak lagi. Bangunan-bangunan ini telah meninggalkan pelbagai tarikan sejarahnya yang tersendiri

yang berpotensi menarik pelancong ke kawasan tersebut samada pelancong tempatan mahupun pelancong antarabangsa.

Selain itu, faktor tarikan kedua pelancong ke destinasi ini ialah faktor tarikan alam semulajadi dan pemandangan kawasan tersebut. Sebanyak 65 peratus responden bersetuju bahawa Kuala Lipis mempunyai alam semulajadi dan pemandangan yang cantik dan menarik. Sebahagian daripada kawasan Kuala Lipis dilitupi alam semulajadi seperti hutan simpan, hidupan liar, air terjun, tasik, gua dan gunung yang mampu mewujudkan pelbagai aktiviti rekreasi atau aktiviti lasak.

Manakala, seramai 38 peratus responden bersetuju bahawa faktor tarikan unsur-unsur kebudayaan dan sosial mampu menarik kedatangan pelancong ke Kuala Lipis. Terdapat pelbagai unsur kebudayaan dan sosial yang terkenal di Kuala Lipis antaranya ialah tarian pelanduk yang dipersembahkan di majlis-majlis tertentu sahaja, tarian piring dalam majlis-majlis perkahwinan, tarian sewang yang merupakan tarian tradisi Orang Asli, gendang ketawak yang lazim dipersembahkan di dalam majlis keraian pada ketika dahulu serta seni silat gayung laksamana yang diasaskan oleh Zakaria Uteh atau lebih dikenali sebagai Pak Guru Zakaria Hj Uteh iaitu anak kelahiran kawasan tersebut.

Sementara itu, seramai 37 peratus responden menyatakan makanan tradisional menjadi faktor tarikan kedatangan pelancong ke Kuala Lipis. Antara makanan tradisional yang terkenal di Kuala Lipis adalah nasi kebuli yang hanya disediakan semasa majlis tradisional Melayu seperti khatam Quran dan cukur rambut bayi, keladi kemahang, pulut dan rendang hitam serta sambal belimbing hitam. Pelbagai makanan tradisional ini sukar untuk dijumpai di negeri lain.



Rajah 4. Faktor tarikan kedatangan pelancong ke Kuala Lipis

#### *Persepsi dan tahap penerimaan komuniti tempatan terhadap pelancongan warisan*

Persepsi dan tahap penerimaan penduduk tempatan terhadap sesuatu aktiviti pelancongan amat penting untuk mewujudkan sesebuah destinasi pelancongan. Penglibatan penduduk tempatan di dalam industri pelancongan ini memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan sesuatu

destinasi pelancongan tersebut. Penyertaan penduduk tempatan di dalam industri ini biasanya tertumpu di kawasan-kawasan pelancongan yang baru berkembang. Penduduk agak ghairah melibatkan diri di dalam industri ini memandangkan ia boleh menambahkan pendapatan mereka.

Berdasarkan Rajah 5, hanya sebilangan kecil responden sahaja yang turut serta dalam industri pelancongan warisan. Hal ini menunjukkan penglibatan penduduk tempatan dalam industri pelancongan di bandar Kuala Lipis masih lagi kecil berbanding sektor lain kerana kurangnya pendedahan penduduk kepada sektor tersebut. Oleh itu, pihak kerajaan haruslah memberi pendedahan kepada penduduk tempatan bahawa pentingnya penyertaan mereka bagi memajukan industri pelancongan warisan di kawasan tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan hanya 6 peratus responden sahaja yang turut serta dalam aktiviti mengukir dan menjual hasil kraftangan kepada pelancong. Kebanyakan yang menyertai aktiviti ini adalah daripada golongan warga tua sahaja. Hal ini menunjukkan penyertaan golongan muda dalam penghasilan kraftangan amat sedikit. Penghasilan kraftangan mampu meningkatkan pendapatan penduduk kerana pelancong akan membeli pelbagai barangan seperti ukiran kayu, dan lain-lain lagi untuk dijadikan cenderahati atau kenang-kenangan apabila pulang ke tempat masing-masing. Oleh itu, penduduk tempatan perlu mengambil peluang ini untuk menambah pendapatan


Selain itu, sebanyak 3 peratus responden sahaja yang menyertai aktiviti membuka dan memajukan homestay untuk tempat penginapan pelancong yang berkunjung ke kawasan ini. Pembukaan homestay dapat meningkatkan pendapatan penduduk tempatan sekaligus boleh mengetengahkan budaya tradisional, adat resam dan amalan yang diamalkan penduduk kepada pelancong antarabangsa mahupun pelancong domestik selama mereka tinggal bersama-sama dengan tuan rumah. Hal ini menunjukkan bahawa penduduk di kawasan tersebut masih kurang sikap keterbukaan kepada orang luar dan juga mungkin disebabkan oleh kekurangan modal untuk memajukan homestay.

Peratusan penyertaan penduduk tempatan dalam industri pelancongan yang paling tinggi ditunjukkan melalui aktiviti peruncitan atau kedai runcit. Sebanyak 23 peratus daripada jumlah keseluruhan responden menjalankan aktiviti peruncitan di kawasan tersebut. Pembukaan kedai runcit amat penting bagi pelancong untuk membeli barang-barang keperluan seperti makanan, barang mandian dan lain-lain lagi semasa berada di destinasi tersebut. Mereka tidak perlu pergi ke pasaraya di pusat bandar untuk membeli barang dan ini secara tidak langsung memudahkan perjalanan aktiviti mereka semasa melawat destinasi tersebut.

Penyertaan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan melalui penyediaan pengangkutan juga masih berada pada tahap kurang memuaskan. Sebanyak 10 peratus responden sahaja yang menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pelancong. Manakala, hampir semua responden iaitu 90 peratus tidak turut serta dalam aktiviti penyediaan pengangkutan tersebut. Penglibatan penduduk dalam menyediakan pengangkutan kepada pelancong adalah salah satu aspek yang penting seperti perkhidmatan teksi, perkhidmatan kereta sewa dan sebagainya. Hal ini memudahkan pelancong untuk pergi ke lokasi-lokasi bersejarah tanpa sebarang masalah pengangkutan terutamanya kepada pelancong yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.

Di samping itu, aktiviti pemandu pelancong menunjukkan peratusan paling terendah iaitu hanya sebanyak satu peratus sahaja penduduk tempatan yang turut serta dalam aktiviti pelancongan tersebut. Penyertaan tersebut adalah daripada golongan bangsa Melayu. Kurangnya penyertaan dalam aktiviti pemandu pelancong ini adalah disebabkan oleh kelemahan dalam kemahiran berbahasa yang merupakan salah satu peraturan asas memandu pelancong yang telah

digariskan di dalam Akta Industri Pelancongan 1992. Kelemahan penguasaan bahasa antarabangsa terutamanya bahasa Inggeris telah menyukarkan proses komunikasi antara pelancong dan telah menjadi salah satu faktor utama mengurangkan minat pelbagai bangsa untuk berkecimpung dalam aktiviti pemandu pelancong tersebut. Justeru itu, penyertaan penduduk tempatan dalam industri pelancongan warisan di bandar Kuala Lipis haruslah dipertingkatkan dengan memberi pendedahan pentingnya penglibatan mereka untuk memajukan destinasi pelancongan warisan di Kuala Lipis.



Rajah 5. Penyertaan penduduk tempatan dalam industri pelancongan warisan

## Kesimpulan

Artikel ini menunjukkan berlakunya kesan warisan budaya ketara iaitu warisan bangunan dan tinggalan kawasan bersejarah terhadap modal sosial. Ia menunjukkan potensi warisan yang ketara dari segi menyediakan tempat pertemuan dan hab komuniti, tapak integrasi sosial dan kemasukan, berfungsi sebagai sumber identiti dan kebanggaan tempatan serta menjadi sebab tindakan umum, dan sukarelawan. Perhatian juga bersandar kepada bandar Kuala Lipis yang mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan sebuah destinasi pelancongan warisan disebabkan oleh ciri-ciri tarikan bangunan dan unsur-unsur sejarahnya yang unik dan tersendiri. Melalui daya tarikan tersebut, ia mampu menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang ke destinasi tersebut pada masa akan datang.

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, penduduk tempatan di bandar Kuala Lipis sudah bersedia untuk menerima kedatangan pelancong dan juga pembangunan pelancongan di kawasan tersebut walaupun tahap penerimaan mereka terhadap industri tersebut masih lagi berada pada kadar yang sederhana. Di samping itu, hasil kajian ini juga mendapatkan harapan dan cadangan daripada penduduk tempatan mengenai industri pelancongan tersebut. Kebanyakan penduduk tempatan mengharapkan dan mencadangkan agar pelbagai kemudahan awam di bandar tersebut diberi nafas baru bagi melaksanakan matlamat tersebut. Setiap pandangan dan cadangan yang

diberikan oleh penduduk tempatan tidak boleh dipandang remeh, ia perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya pertumbuhan pembangunan pelancongan warisan di bandar Kuala Lipis terus berkembang maju dan terkenal di mata dunia.

Cara yang terbaik ialah memperhalusi pembangunan tapak warisan di bandar Kuala Lipis dengan memasukkan aspek warisan ini dalam proses membuat dasar, bukan hanya dalam bidang perlindungan budaya dan monumen tetapi juga dalam bidang lain, iaitu dengan mengambil kira potensi positif dan negatif warisan budaya berkenaan dengan modal sosial di samping keuntungan ekonomi. Penilaian yang dilakukan terhadap kegiatan warisan sejarah dalam pelancongan bandar Kuala Lipis yang dibangunkan terdapat masih banyak ruang boleh dikemaskini dan dibaiki. Usaha membangunkan ini perlu mendapat bantuan daripada pakar bidang seperti ahli sejarah agar bahan sejarah yang dipamerkan itu adalah tepat dan mempunyai keaslian. Ia juga memerlukan khidmat daripada pakar pelancongan yang dapat memberikan khidmat nasihat mengenai aktiviti pelancongan warisan untuk bantu mempertingkatkan kegiatan pelancongan.

## Rujukan

- Ang, K.huaH. (2015). Melaka sebagai pusat pelancongan dunia: Dapatkah dipertahankan? *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (90), 75-85.
- Ashworth, G.J. & Tunbridge, J.E. (1990). *The touristic city*. London. Belhaven Press.
- Azima Abdul Manaf, Er Ah Choy, Rosniza Aznie Che Rose, Suhana Saad, & Noordeyana Tambi. (2010). Prospek dan kemajuan Bukit Fraser sebagai destinasi ekopelancongan. In *Bio-Kejuruteraan Ekosistem dan Spesies 2010 Bukit Fraser*. UKM & Bukit Fraser Development Corp.
- Carol Boon, C.T., Noor Rita, M.K., & Faizah, A.R. (2014). Understanding Cultural Heritage Visitor Behavior: The Case of Melaka as World Heritage City. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 130, 1-10.
- Chik, Abdul Razak, & Tahir Shaharuddin. (2004). *Budaya dan warisan negara sebagai pemangkin kepada pelancongan lestari*. In: Keusahawanan pelancongan potensi & isu-isu semasa. (pp. 89-107). Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Er Ah Choy. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (3), 12-23.
- Fyall & Garrod. (1998). Managing heritage tourism. *Annals of Tourism Research*, 27 (3), 682-708.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Amriah Buang, Nor Ghani Mohd Nor, Lelawati Ismail, Er Ah Choy, Mohammad Saiful Nizam Aduluan, & Siti Nor Safiza Safiei. (2014). Transformasi Medan Pasar sebagai ikonik pelancongan warisan: Dimensi keperluan pengunjung dan tuntutan peniaga. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (8), 138-153.
- Halima Begum, Er, A.C., Ferdous Alam, A.S.A., & Nurain Sahazali. (2014). Tourist's perceptions towards: The role of stakeholders in sustainable tourism. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 144, 313-321.
- Herbert, D.T. (1989). Does interpretation help? In Herbert, D.T., Prentice, R.C., & Thomas, C.J. (Eds.). *Heritage sites: Strategies for marketing and development*. (pp. 191-130). Aldershot, Avebury.

- Inskeep, E. (1996). *Perancangan pelancongan: Pendekatan pembangunan bersepadu dan berkekalan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa. (2007). *Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Lipis*. Pahang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pahang.
- Linda, K.R. (1999). *After political turmoil: The lessons of rebuilding tourism in three asian countries*. New York, Manhattan.
- MacCannell, D. (1976). *The tourist: A new theory of the leisure class*. New York, Schocken Books.
- Majlis Daerah Lipis. (2010). *Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2010-2010*. Kuala Lipis, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Lipis.
- Malaysia. (2010). *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia*. Kuala Lumpur, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. (2009). *Warisan Kebangsaan Malaysia 2007*. Kuala Lumpur, Jabatan Warisan Malaysia.
- McDonald, J.R. (1980). The tourist business. *Focus, American Geographical Society*, 31 (2).
- Mohamad Tajuddin, Mohamad Rosdi, Mohd Ali, Kamaruddin, Syed Ariffin, Ra'alah, Mursib, & Gurupiah. (2004). *Warisan seni bina dunia Melayu: Rumah-rumah tradisi*. Johor, UTM.
- Mohamad Zaki, A., Johan Afendi, I., & Hood, M.S. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari. *Prosiding PERKEM, III Jilid 1*, (pp. 401- 413).
- Mohd Samsudin, & Sulong Mohamad. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1 (1), 99-109.
- Nasser N. (2003). Planning for urban heritage places: Reconciling conservation, tourism, and sustainable development. *Journal of Planning Literature*, 17 (4), 467-479.
- Nur Hijrah Zakaria. (1995). *Analisa terhadap ciri-ciri hujan di Daerah Lipis (1972-1993)*. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Rosniza Aznie, C.R. & Nur Athirah K. (2017). Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif peniaga dan pelancong tempatan. *Geografi*, 5 (3), 1-7. Tanjung Malim, UPSI.
- Sajad, A.E., & Kaboudi, M. (2011). Community perception of tourism impacts and their participation in tourism planning: A case study of Ramsar, Iran. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 36, 333 – 341.
- Salah Wahab, & Copper, C. (2003). *Tourism and gastronomy*. Routledge, Taylor & Francis Group.
- Shaw, G., & Williams, A. (2002). *Critical issues in tourism: A geographical perspectives*. United States, Georgia. Willey Publications.
- Udjianto P. (2012). *Perkembangan 'Arsitektur Ikonik' di berbagai belahan dunia*. Institut Teknologi Nasional.
- Yamane, T. (1967). *Statistics: An introductory analysis*. New York, Academic Press.